

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 APRIL 2015

PAS anggap Dr Mahathir penghalang utama hudud

BH - 5/4/2015

Kuala Lumpur: PAS menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penghalang utama kepada kerajaan Kelantan untuk melaksanakan hukum hudud atau Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1993.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Kanun Jenayah Syariah II, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan, berkata PAS yang merampas Kelantan ketika itu menerima pelbagai tekanan daripada bekas Perdana Menteri berkenaan.

Berikutan itu, katanya, kerajaan PAS Kelantan yang dipimpin bekas Menteri Besar-

nya, Datuk Nik Aziz Nik Mat mengambil pendekatan berhati-hati dan tidak mewartakan enakmen itu walaupun ia diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kami menerima amaran daripada (Tun) Mahathir jika melaksanakan hudud pada waktu itu, beliau akan mengambil tindakan. Masa itu kita cukup berhati-hati dengan beliau.

"Beliau tidak boleh terima kehilangan kerajaan Kelantan kepada PAS. Oleh itu, segala tekanan diberikan terhadap kerajaan PAS Kelantan. Oleh sebab itu, kita menjaganya de-

ngan teliti" katanya ketika Sesi Taklimat Kanun Jenayah Syariah II di sini, semalam.

Sesi taklimat itu dirasmikan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Hadir sama, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah dan Pemangku Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Dr Mahfodz Mohamed.

Pas perlu sokongan UMNO
Sementara itu, Mohd Amar ketika menjawab pertanyaan peserta pada sesi taklimat itu berkata, PAS sememangnya memerlukan sokongan UMNO untuk memastikan enakmen

itu dapat dilaksanakan di Kelantan.

Katanya, pucuk pimpinan parti termasuk bekas Mursyidul Am PAS juga merestui kerjasama di antara kerajaan PAS Kelantan dan Kerajaan Pusat bagi memastikan hukum hudud dapat dilaksanakan di negeri itu.

"Perkara sebegini tidak salah kerana UMNO pegang kunci di peringkat Persekutuan, mahu tidak mahu kita kena bincang dengan mereka dan tidak timbul soal kerajaan perpaduan.

"Apatah lagi ia dilakukan secara terbuka. Malah, bekas Presiden PAS, Allahyarham Datuk Fadhil Noor dan Timbalan Presiden ketika itu, Abdul Hadi pernah mengadakan pertemuan lapan mata dengan Mahathir dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam yang sampai hari ini tidak tahu apa dibincangkan," katanya.